



Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)



Anda
Boleh Lakukan Perubahan

PERANGI Rasuah



Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) merupakan salah satu program latihan yang dilaksanakan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.

Tempoh masa program latihan adalah dalam tempoh 6 bulan dijalankan separuh masa dengan 2 pengambilan setahun iaitu pengambilan sesi Jan - Jun dan sesi Julai - Disember.

Matlamat program ini adalah:

- Memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur;
- Menyematkan budaya 'zero tolerance' terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan penyelewengan; dan
- Memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada pihak pengurusan beliau ditempatkan.

Kumpulan sasar

Program ini terbuka kepada pegawai Kerajaan, Badan Berkanun dan Sektor Swasta. Program Integriti Bertauliah akan bertindak sebagai Rangkaian Pegawai Integriti Bertauliah, yang pakar dalam bidang pencegahan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, pembangunan integriti dan menjadi pemangkin dalam organisasi-organisasi berkaitan bagi memupuk budaya kerja berintegriti dalam sektor awam dan swasta.

Syarat Utama Kemasukan

- a) Dicalonkan oleh organisasi;
- b) Mempunyai ciri integriti dan etika yang tinggi;
- c) Melempi proses tapisan keutuhan oleh SPRM / PDRM / Bahagian Keselamatan / BPA / JPA / Insolvensi;
- d) Pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional atau setaraf dengannya;
- e) Pengalaman kerja tidak kurang daripada 5 tahun serta menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang;
- f) Perakuan dan sokongan dari badan-badan tertentu (jika ada).

Modul

Modul Pengenalan Integriti	5 HARI
Modul Penguatkuasaan (Undang-undang/ Pekeliling/ Peraturan / Arahan)	5 HARI
Modul Pematuhan dan Pemantauan	5 HARI
Modul Pembentukan Pelan Integriti	7 HARI

SYARAT UNTUK DIKTIRAF

Hadir kuliah/ Penilaian Pemahaman	Hadir Seminar/ Bengkel Integriti	Lawatan/ Kajian/ Kes	Kertas Kerja
---	---	----------------------------	-----------------

Hadir dengan jayanya Program Latihan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dan difauliahkan oleh

Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB)

**AHLI LEMBAGA PENGIKTIRAFAN
PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH**



Sebarang pertanyaan sila hubungi

Pusat Pembangunan Integriti Korporat
Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
Persiaran Duta Off Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur

Tel : 03-62092800
Faks : 03-62016197
E-mel : G1@sprm.gov.my

